



ARAHAN



J05059

2020-08-25

KIT (CAKERA) ROTOR BREK BELAKANG

UMUM

Nombor Kit

41832-05A, 42158-07A, 44102-95A, 44108-95A, 44357-00A, 44359-00A, 44366-00A, 44368-00A, 44421-09A, 44706-03A, 44822-00A, 44857-02A, 45047-06A, 46641-07A, 46777-09A, 48979-10, 41500005, 41500038, 41500069, 41500097, 41500109, 41500110, 41500156, 41500161, 41500174, 41500175

Model

Untuk maklumat perlengkapan model, lihat Katalog Runcit P&A atau seksyen Bahagian dan Aksesori di www.harley-davidson.com (Bahasa Inggeris sahaja).

Keperluan bagi Pemasangan

PENGUNCI ULIR DAN PENGEDAP KEKUATAN SEDERHANA LOCTITE 243 (BIRU) (99642-97)

Pemasangan pada roda 17 inci FXSTD memerlukan pembelian yang berasingan daripada hab plat Kit (43837-00).

Bagi Kit 44102-95A dan 44108-95A:

- Cakera brek ini mesti digunakan **HANYA** dengan kit pad brek (44209-87C). Jika kit pad brek tersebut tidak digunakan, cakera akan rosak dan jangka hayat kegunaannya dipendekkan.
- Kit pad brek 44209-87C adalah Peralatan Asal (OE) pada model 1992 dan kemudian dan mesti digunakan pada model tersebut. Model 1991 dan terdahulu juga mesti menggunakan kit pad brek 44209-87C. Pad ini dikenal pasti oleh nombor 56 yang tertera pada sebelah luar permukaan pelapik pad brek, bertentangan dengan bahan geseran.

▲ AMARAN

Keselamatan penunggang dan pembonceng bergantung pada pemasangan kit yang betul. Gunakan prosedur manual servis yang sesuai. Jika anda tidak berkeupayaan atau tidak memiliki alat yang betul untuk melakukan prosedur ini, minta pengedar Harley-Davidson memasangkannya. Pemasangan kit ini yang tidak betul boleh membawa maut atau kecederaan serius. (00333b)

CATATAN

Lembaran arahan ini merujuk kepada maklumat dalam manual servis. Manual servis bagi model motosikal anda diperlukan untuk pemasangan ini, dan ia boleh didapati daripada pengedar Harley-Davidson.

Kandungan Kit

Lihat Rajah 1 dan Jadual 1 .

PEMASANGAN

1. Rujuk manual servis untuk prosedur menanggalkan dan membuka cakera brek.

NOTIS

Jangan guna semula cakera brek/skrup rotor. Penggunaan semula skrup ini boleh menyebabkan kehilangan tork dan kerosakan pada komponen brek. (00319c)

2. Sediakan dan pasang cakera brek **baharu**. Lihat manual servis.

CATATAN

Elakkan hentian keras sepanjang 300 batu pertama. Hentian keras semasa tempoh berlatih akan meleciaskan cakera brek.

- a. Letakkan beberapa titisan pengunci ulir pada ulir skru krom **baharu** daripada kit.


PENGUNCI ULIR DAN PENGEDAP KEKUATAN
SEDERHANA LOCTITE 243 (BIRU) (99642-97)

- b. Pasang cakera brek menggunakan **HANYA** skru krom **baharu**. Ketatkan.
Tork: 54 N·m (40 ft-lbs)

3. Kit 41500174 dan 41500175:

- a. Jajarkan alur yang ditemui pada muka rotor dengan jejari di sebelah batang injap.
- b. Jika lubang bolt tidak sebaris, gerakkan rotor untuk menjajarkan alur dengan jejari lain di sebelah batang injap.

BAHAGIAN SERVIS



1. Rotor brek
2. Skru

Rajah 1. Bahagian Servis: Kit (Cakera) Rotor Brek Belakang

Jadual 1. Bahagian Servis: Kit (Cakera) Rotor Brek Belakang

Kit	Item	Huraian (Kuantiti)	Nombor Alat Ganti
SEMUA Kit kecuali 41500174, 41500175, 41500156, 41500161	1	Rotor brek, belakang	Tidak dijual secara berasingan
	2	Skru, krom (5)	4563
41500174, 41500175, 41500156, 41500161	1	Rotor brek, belakang	Tidak dijual secara berasingan
	2	Skru (5)	43567-92